

22 April 2020 / 28 Syaaban 1441H

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera

Saudara Saudari Yang Saya Hormati,

مرحباً يا رمضان [Marhaban Ya Ramadan]

Mohd Muazzam Mohamed

Alhamdulillah, bersama-samalah kita mengucap syukur ke hadrat Ilahi kerana telah memberikan kita afiat, kesejahteraan dan umur yang panjang untuk bertemu Ramadan yang mulia pada tahun ini.

Di Bank Islam, Ramadan adalah bulan yang amat kami nantikan. Saban tahun, di bulan ibadah dan kerahmatan inilah kami jalankan pelbagai aktiviti untuk menyantuni pemegang kepentingan, baik pelanggan perseorangan, korporat mahupun golongan yang memerlukan. Sepanjang Ramadan, kami akan berkongsi rezeki melalui pelbagai inisiatif tanggungjawab korporat dan kerja-kerja kebajikan. Tetapi Ramadan tahun ini amat berbeza dari tahun-tahun sebelumnya. Penularan wabak COVID-19 memaksa kami membuat perubahan perancangan untuk Ramadan. Penawar COVID-19 masih belum ditemukan. Penjarakkan sosial perlu diteruskan bagi mengawal risiko jangkitan. Namun, di tengah-tengah kesulitan ini, inisiatif perkongsian rezeki masih lagi kami teruskan dengan sedikit kelainan.

1 Ramadan 1441H yang jatuh pada 24 April 2020 berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3 bermula 15 April hingga 28 April 2020. PKP Fasa 3 menyarankan supaya semua pihak menangguhkan sebarang perhimpunan dan aktiviti awam sepanjang dan selepas tempoh tersebut untuk mengelakkan jangkitan baharu. Saranan tersebut turut menjejaskan perancangan Ramadan kami.

Sejak 5 tahun lalu di setiap Ramadan, Bank Islam dengan kerjasama Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) akan mengadakan program tahunan Iftar @ SWADD di Menara Bank Islam, di mana kami menyediakan sajian berbuka puasa secara percuma pada setiap hari bekerja untuk hampir 500 warga kota yang tidak sempat pulang berbuka puasa bersama keluarga. T turut diadakan Solat Maghrib, Isyak dan Tarawih berjemaah di SWADD. Begitu juga dengan majlis-majlis iftar yang sering diadakan sebagai inisiatif libat urus dan pernyataan penghargaan kepada pelanggan korporat yang memberikan sokongan berterusan kepada kami. Selain itu, kami juga menganjurkan aktiviti-aktiviti tanggungjawab korporat melibatkan pelbagai golongan masyarakat serta penduduk kampung terpilih. Tidak lupa juga majlis-majlis iftar bersama pengamal media yang kami adakan tiap tahun sebagai tanda penghargaan atas liputan yang diberikan.

Malangnya, inisiatif-inisiatif ini tidak dapat kami teruskan Ramadan ini atas faktor-faktor keselamatan kesihatan dan sebagai menyahut seruan kerajaan untuk bersama-sama mencegah risiko jangkitan baharu COVID-19.

Kami amat menghargai kesemua pemegang kepentingan dari pelbagai lapisan. Namun, perubahan perlu dilakukan dan langkah ini terpaksa kami ambil untuk kebaikan dan kebajikan anda semua.

Oleh itu, peruntukan yang kami sediakan untuk inisiatif-inisiatif perkongsian rezeki di bulan Ramadan, kini disalurkan semula ke arah inisiatif menjaga kebajikan *frontliners* yang berkorban demi kesejahteraan kita semua serta para asnaf dan golongan yang terjejas berikutan penularan wabak COVID-19 ini. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan bagi menggantikan majlis-majlis di bulan Ramadan ini akan kami uar-uarkan di laman sesawang serta media sosial di <https://www.bankislam.com/corporate-info/against-covid-19/>; instagram: @bankislam dan @amal_bankislam serta facebook: <https://www.facebook.com/BankIslamFB/>

Walaupun inisiatif tradisi Ramadan ini tidak dapat diteruskan pada tahun ini, namun Bank Islam sentiasa menghargai dan berterima kasih atas segala sokongan dan kesetiaan yang diberikan kepada kami selama ini.

Kami akan terus melipatgandakan usaha-usaha libat urus bersama kesemua pemegang kepentingan kami setelah keadaan bertambah baik bagi mengeratkan lagi silaturahim yang telah sekian lama terjalin antara kita semua, Insya-Allah.

Saya dan seluruh warga Bank Islam akan terus mendoakan agar Ramadan yang mulia ini terus memberikan keberkatan dan kesabaran mengharungi tempoh yang amat mencabar ini kepada anda semua.

Dengan usaha yang kami lakukan, saya percaya kita semua sedikit sebanyak akan dapat menyumbang ke arah mengekang penularan wabak COVID-19 ini, Insya-Allah.

SALAM RAMADAN DAN SELAMAT MENJALANI IBADAH PUASA.

Ikhtlas,

MOHD MUAZZAM MOHAMED
Ketua Pegawai Eksekutif
Bank Islam Malaysia Berhad

Hubungi :

603 26 900 900

Layari :

bankislam.com
amal.bankislam.com.my

Ikuti :

[BankIslamFB](https://www.facebook.com/BankIslamFB/)
[AMALBankIslam](https://www.facebook.com/AMALBankIslam)
[bankislam](https://www.instagram.com/bankislam)
[amal_bankislam](https://www.instagram.com/amal_bankislam)